

26/07/2005

MAHATHIR-MAHALEEL

TUN M: MAHALEEL PERGI KERANA TIDAK TANDATANGANI KONTRAK "INFERIOR"

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Tempoh Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Proton Holdings Bhd tidak diperbaharui kerana beliau tidak bersetuju dengan syarat kontrak baru selama dua tahun yang dirasakannya tidak memuaskan berbanding syaratnya sendiri, kata Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Kebolehan Tengku Mahaleel mengendalikan Proton juga terkongkong selepas beliau disingkirkan daripada jawatan-jawatan lain termasuk jawatan pengerusi anak-anak syarikat utama Proton, dan ini tidak dipersetujui oleh beliau.

Dr Mahathir berkata beliau tidak terperanjat dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah pembuat kereta nasional itu.

Tengku Mahaleel, yang menyertai Proton pada 1996 dan dilantik sebagai CEO pada 1 April, 1997, enggan menandatangani kontrak itu kerana beliau mendakwa syarat-syaratnya adalah "inferior" berbanding syarat beliau sendiri, kata bekas perdana menteri itu.

"Nampaknya, tidak ada kesediaan untuk mempertimbangkan pandangan (Tengku) Mahaleel, jadi beliau enggan menandatangani (kontrak itu) dan pihak lembaga pengarah mengambil keputusan untuk tidak memperbaharui kontraknya," jelas Dr Mahathir pada satu sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa mengulas keputusan lembaga pengarah Proton pada mesyuarat mereka yang dipengerusikan oleh Datuk Mohammed Azlan semalam untuk menyingkirkan Tengku Mahaleel.

Semasa sidang akhbar itu, Dr Mahathir kelihatan tenang tetapi berhati-hati dengan kenyataan yang dibuatnya. Katanya, "Jika saya salah cakap, saya mungkin didakwa kerana memfitnah, malah saya mungkin `dipecat' seperti Tengku Mahaleel kerana kenyataan atau komunikasi yang salah. Jadi, saya perlu berhati-hati tentang perkara ini."

Bagaimanapun, katanya tidak berlaku sebarang muslihat dalam perkara ini memandangkan penamatan perkhidmatan itu dibuat mengikut prosedur yang betul kerana Tengku Mahaleel tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang ditawarkan kepadanya dan walaupun setelah diberikan masa yang mencukupi, beliau enggan menandatangani perjanjian itu.

Tengku Mahaleel, katanya, mendakwa syarat-syarat itu tidak memuaskan, seperti penurunan pangkat, dan tidak diberitahu kenapa beliau ditawarkan syarat-syarat sedemikian.

Dr Mahathir berkata, memanglah ada kenaikan gaji jika seseorang itu terus berkhidmat dengan kerajaan dan menimba pengalaman selama bertahun-tahun, tetapi tindakan menamatkan perkhidmatan Tengku Mahaleel adalah hak lembaga pengarah.

Di samping itu, katanya, Tengku Mahaleel juga merasa susah untuk mengendalikan Proton dengan sempurna setelah dipecat daripada banyak jawatan dalam kumpulan kerana ada kaitan langsung antara anak-anak syarikat dan pengurusan Proton.

Beliau telah diturunkan pangkat kepada pengarah biasa, manakala jawatan pengerusi anak-anak syarikat itu diambil alih oleh pengerusi syarikat pegangan itu.

Ketika melahirkan pandangannya, Dr Mahathir berkata, situasi demikian akan mendatangkan masalah kerana pengerusi anak-anak syarikat biasanya bertanggungjawab kepada syarikat pegangan itu.

"Jika saya terpaksa bertanggungjawab kepada diri sendiri, susahlah

sikit. Bagaimanapun, itu adalah keputusan lembaga pengarah untuk menamatkan tempoh perkhidmatannya dan memecatnya daripada jawatan pengerusi (anak-anak syarikat itu)," katanya.

Dr Mahathir juga berkata lembaga pengarah baru mahu mengkaji semula segalanya (dalam pengendalian Proton) termasuk memanggil juru runding luar.

Katanya, disebabkan banyak masa yang dihabiskan dalam menyediakan kertas kerja bagi mesyuarat lembaga, ada kalanya hingga 10 mesyuarat lembaga syarikat dalam sebulan, pihak pengurusan cenderung ke arah menghabiskan masa menyediakan kertas kerja bagi lembaga pengarah dan ini menyebabkan kerja-kerja mengendalikan syarikat terabai.

"Dan kesan keseluruhan daripada semua ini, (Tengku) Mahaleel dibuang kerja," katanya.

Tengku Mahaleel bercuti mulai hari ini dan akan bersara pada 30 Sept.

Bagi membolehkan peralihan lancar dan memastikan kesinambungan operasi, lembaga pengarah telah mengambil keputusan untuk melantik Datuk Kisai Rahmat, kini Pengarah Operasi, dan Datuk Kamarulzaman Darus, kini CEO Proton Tanjung Malim Sdn Bhd, sebagai ketua pegawai operasi Proton Holdings berkuatkuasa mulai hari ini.

"Saya pasti Proton akan lebih maju lagi dengan pengurusan baru," katanya.

Ber cerita tentang tempoh perkhidmatan Tengku Mahaleel sebagai CEO, Dr Mahathir berkata, beliau telah meningkatkan keupayaan Proton, yang pada hari ini boleh mereka bentuk, mengeluarkan model dan prototaip, menjalankan ujian termasuk ujian perlanggaran dan mengeluarkan kereta secara besar-besaran seperti mana-mana syarikat motokar yang lain.

Beliau berkata, biasanya dalam senario automotif seluruh dunia, apabila CEO syarikat kereta yang besar seperti Nissan, Mitsubishi, Chrysler, General Motors dipecat, ia adalah kerana syarikat itu gagal dan mengalami kerugian.

"Di bawah (Tengku) Mahaleel, Proton meraih keuntungan walaupun AP dikeluarkan, dan (Proton) telah mengumpul wang berjumlah lebih RM4 bilion, malah telah menggunakan sejumlah RM1.8 bilion (daripadanya untuk membina kilang di Tanjung Malim tanpa pinjaman luar dan tanpa meminta bantuan kerajaan.

"Saya tak tahulah kalau-kalau itu dianggap sebagai kegagalan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, jika ada masalah dengan model-model baru Proton, itu bukanlah sesuatu yang mewajarkan penyingkiran, kerana syarikat-syarikat kereta lain seperti General Motors dan Mitsubishi juga menghadapi masalah dengan model-model baru mereka.

Beralih kepada kontroversi berhubung permit import (AP) kenderaan, Dr Mahathir berkata beliau akan "membuat kenyataan bertulis untuk semua pihak supaya tidak berlaku salah tafsir." -- BERNAMA

SHO/NM WNZ/MR FR KY